



Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com

## Tanggalkan bateri komputer

**A**DAKAH perlu saya tanggalkan bateri komputer riba ketika bersambung dengan punca kuasa elektrik ketika menggunakannya?

-MAN, Kuala Krau.

Saya kira pertanyaan ini menjurus kepada keadaan apabila bateri komputer riba sudah dicaj sepenuhnya. Tiada masalah sama ada untuk mencabut atau mengekalkan bateri sesuatu komputer riba ketika berdambung dengan punca kuasa elektrik. Namun begitu, setiapnya adalah kelebihan atau kekurangannya.

### KEKURANGAN

**1** Perbuatan tersebut boleh mengundang pemendekan jangka hayat bagi sesebuah bateri komputer riba. Namun begitu, perkara ini berlaku dalam jangka masa yang panjang.

**2** Perbuatan ini boleh mengurangkan kadar kapasiti simpanan kuasa dalam sesebuah bateri komputer kepada kurang daripada seratus peratus dengan lebih cepat daripada situasi biasa.

### KELEBIHAN

**1** Perbuatan mengeluarkan dan memasukkan semula bateri komputer riba berulang kali secara kerap boleh mengundang kerosakan pada bateri tersebut. Malah, berkemungkinan juga menyebabkan komputer riba itu bermasalah.

**2** Perbuatan mengeluarkan dan memasukkan semula bateri komputer riba berulang kali secara kerap juga boleh mengundang masalah kekotoran pada bateri atau tempat masukkannya pada sesebuah komputer riba.

**3** Sekiranya berlaku kegagalan pembekalan tenaga elektrik secara tiba-tiba, komputer riba tersebut tidak akan terpadam secara tiba-tiba kerana disokong bekalan kuasa elektrik oleh bateri yang terdapat di dalamnya. Seperti sedia maklum, jika perkara seperti ini berlaku, ia boleh menyebabkan kerosakan kepada komputer riba tersebut dan kehilangan data yang sedang digunakan.

Perbuatan ini terpulang kepada keperluan masing-masing bagaimana untuk mengendalikan penggunaan bateri bagi sesebuah komputer riba. Namun begitu, dicadangkan sekiranya sudah mencapai kadar 80 peratus pengecasan bateri, adalah lebih baik dicabut daripada punca sumber kuasa elektrik. Sekiranya kadar upaya bateri tinggal sebanyak lebih kurang 40 peratus, dicadangkan buat pengecasan bateri itu semula.

Elakkan keadaan anda diberi amaran bahawa kehabisan kadar kuasa bateri pada sesebuah komputer riba kerana perkara ini tidak baik untuk jangka hayat bateri atau